

Tragedi air sungai merah

Penduduk terkejut Sungai Lipis berubah warna tanpa mengetahui punca

WAN JUHAIDA WAN HASSAN

RAUB - Cuaca mendung dengan keadaan sesekali hujan renyai tidak mendatangkan kegusaran penduduk yang tinggal di pinggiran sungai kerana paras air belum naik sehingga ke peringkat berjaga-jaga lagi.

Namun, satu kejadian pelik timbul sejak pagi kelmarin apabila kandungan aliran air Sungai Lipis sepanjang hampir 50 kilometer bertukar menjadi kemerahan seakan bercampur darah.

Suasana itu berterusan sehingga petang semalam, malah warnanya bertambah pekat sehingga menimbulkan tanda tanya penduduk yang melalui kawasan itu.

Seorang penduduk, Mohd Najid Ahmad, 21, berkata, tidak berlaku hujan lebat atau ribut petir yang menjelaskan kandungan air sungai seperti sebelum ini.



Mohd Najid menunjukkan air sungai yang dikatakan bertukar warna merah.

Menurutnya, kebiasaan ketika musim tengkujuh air sungai hanya meningkat dan berwarna keruh seakan air teh sahaja.

"Fenomena kali ini luar biasa yang tidak pernah dilihat sepanjang hayat dan saya percaya penduduk di

pinggiran sungai juga maklum dengan perbezaan suasana air sungai kemerahan ini.

"Pihak berkaitan wajar lakukan siasatan dan pemantauan bagi mengetahui punca kejadian ini agar tidak mendatangkan kemudaratn kepada

orang ramai," katanya.

Fenomena ini tidak berlaku di Jeram Besu sahaja memandangkan banyak kawasan perkampungan terlibat secara langsung sepanjang Sungai Lipis.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati aliran sungai di Segu, Kuala Atok hingga ke Benta turut menunjukkan fenomena serupa.

Mohd Najid berkata, tidak mustahil keadaan itu berlaku antara lokasi sekitar Hutan Simpan Tersang memandangkan punca air sungai di Ulu Slim dan Ulu Sungai tidak terjejas langsung seperti di Sungai Lipis.

Difahamkan wakil kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ada melakukan tinjauan dan siasatan di beberapa kawasan sepanjang Sungai Lipis.

Kemungkinan kejadian seperti itu bukanlah akibat daripada tanah runtuh di bahagian hulu sungai, teta-

pi faktor lain yang masih belum jelas puncanya.

Mohd Najid berkata, sekiranya berlaku tanah runtuh, kandungan warna air hanya keruh pekat seperti teh susu.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Hoh Khai Mun berkata, beliau masih belum menerima aduan rasmi penduduk berkaitan kejadian itu.

Katanya, pegawai daripada Jabatan Perhutanan dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan dihantar untuk menyiasat punca sebenar fenomena sungai merah yang berlaku sepanjang Sungai Lipis berkenaan.

"Kita akan dapatkan laporan lengkap daripada siasatan itu dan akan memaklumkan perkembangannya kepada masyarakat tidak lama nanti," katanya.